



TEKS UCAPAN

**PROGRAM MEMPERKASA DAN MEMBUDAYA
(PERKAYA) INOVASI KE-28, SESI I: 2025/2026
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

Lt. Kol. NORIZAM BIN SEKAK

Pengarah
Politeknik Merlimau Melaka

**DEWAN PLATINUM
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA
11 NOVEMBER 2025**

Terima kasih pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

Salam Melakaku Maju Jaya Rakyat Bahagia Menggamit Dunia dan Bijak
Laksana Tuah Berani Laksana Jebat.

SALUTASI

Yang Berbahagia Datuk Hj. Mohamad Ismail bin Othman

Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Industri Politeknik Merlimau Melaka

Yang Berusaha Pn. Faridatuljanna binti Mohd Noor

Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik Merlimau Melaka

Yang Berusaha Ts. Zan Aizuwan bin Zainal Abidin

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) Politeknik Merlimau Melaka

Yang Berusaha Dr. Aspalilla binti Main

Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial Politeknik Merlimau
Melaka

Yang Berusaha Ts. Dr. Normazlina binti Mat Isa

Pengarah Program PERKAYA Inovasi ke-28

Yang Berusaha Dr. Suhaida binti Mohd Amin

Pensyarah UITM Melaka merangkap Ketua Juri Program PERKAYA
Inovasi ke-28

Yang Berusaha Barisan Juri Program PERKAYA Inovasi ke-28

- a)** Ketua-Ketua Jabatan;
- b)** Ketua-ketua Program;
- c)** Ketua-ketua Unit;
- d)** Pegawai-pegawai kanan, para pensyarah, dan
- e)** Para peserta dan pelajar yang dikasihi sekalian.

PEMBUKA BICARA

Tuan-tuan dan Puan-puan,

1. Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T., kita diberi kesempatan dan kekuatan untuk berhimpun di dewan ini dalam suasana yang penuh gemilang bagi menjayakan Majlis Perasmian Penutup Program Memperkasa dan Membudaya Inovasi (PERKAYA Inovasi) Politeknik Merlimau Melaka Ke-28, Sesi I: 2025/2026. Semoga majlis ini menjadi pencetus semangat untuk terus melakar kejayaan dalam bidang inovasi dan penyelidikan.
2. Terlebih dahulu, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berbahagia **Datuk Hj. Mohamad Ismail bin Othman** kerana sudi memenuhi undangan dan bersama-sama kita dalam majlis penuh bermakna ini. Tidak dilupakan, jutaan terima kasih dan tahniah kepada Jawatankuasa Kerja serta semua yang terlibat, yang telah bertungkus-lumus demi menjayakan majlis pada hari ini. Syabas diucapkan kepada semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Program ini merupakan salah satu inisiatif penting dalam usaha menggalakkan budaya inovasi dan penyelidikan dalam kalangan warga politeknik. Bagi memastikan program ini terus kekal relevan serta memberi impak yang tinggi, pelaksanaannya perlu sentiasa diselaraskan dengan perkembangan semasa, kemajuan teknologi dan keperluan industri masa kini.
4. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta yang telah membentangkan hasil projek masing-masing dalam pelbagai kategori yang dipertandingkan. Tidak kira menang atau kalah, saya percaya melalui platform ini, para pelajar dan pensyarah dapat menzahirkan hasil inovasi dan penyelidikan yang selama ini diusahakan. Pertandingan ini juga dilihat sebagai pencetus kepada idea-idea inovatif yang berpotensi tinggi untuk diketengahkan.
5. Dalam Program PERKAYA Inovasi bagi semester ini, saya difahamkan bahawa sebanyak **75 kumpulan** telah mengambil bahagian. Daripada jumlah tersebut, **66 kumpulan** merupakan wakil dari Politeknik Merlimau Melaka yang telah terpilih semasa peringkat **Hari Inovasi Jabatan**, manakala **9 kumpulan lagi** terdiri daripada peserta jemputan daripada politeknik dan kolej komuniti berdekatan. Penyertaan ini jelas menunjukkan bahawa Program PERKAYA Inovasi berjaya memperluaskan jaringan serta penglibatan institusi dalam memupuk budaya inovasi.

TUJUAN PROGRAM

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin sekalian,

6. Demi mendepani cabaran masa hadapan, Politeknik Merlimau Melaka komited menyahut seruan menjadi peneraju dalam melahirkan graduan berkualiti tinggi, berdaya saing, dan diterima di pasaran global. Pendedahan awal terhadap bidang inovasi dan penyelidikan bukan sahaja memperkukuhkan asas pelajar, malah menjadi pemangkin kepada penguasaan ilmu serta teknologi oleh anak watan kita.
7. Pada majlis penuh bermakna ini, izinkan saya berkongsi berkenaan kajian dan produk inovasi PMM yang telah berjaya memperolehi geran penyelidikan dan pengkormersialan pada tahun 2025. Produk keluaran PMM iaitu McLiva, minuman inovasi pertama di Malaysia berasaskan buah Melaka telah mendapat Geran Penyelidikan TVET Applied Commercialization Grant Scheme (T-ACGS) sejumlah RM59,975.00. Lebih istimewa, McLiva dibangunkan dengan konsep kelestarian alam, menggunakan sumber buah Melaka yang tumbuh segar di persekitaran kampus kita. Untuk makluman hadirin, minuman McLiva ini juga dihidangkan kepada tetamu di majlis-majlis anjuran PMM serta diberi dalam bentuk cenderahati kepada tetamu kenamaan atau VVIP.
8. Pada tahun ini juga Jabatan Perdagangan telah berjaya memperoleh Geran Penyelidikan TVET Applied Commercialization Grant Scheme (T-ACGS) sejumlah RM 59,500.00 bagi mengkomersialkan produk yang dijenamakan sebagai Maaliz Body Scrub. Untuk makluman,

Maalizi Body Scrub ialah scrub penjagaan kulit yang diformulasikan menggunakan sisa hampas kelapa sebagai bahan utama, dengan matlamat menyokong Sustainable Development Goal (SDG) 12 iaitu memastikan corak penggunaan dan pengeluaran yang lestari, mengurangkan sisa, serta memanfaatkan bahan mesra alam.

9. Turut tidak ketinggalan, Projek "Pembangunan Sistem Pengkalan Data Menggunakan Quantum Geographic Information System (QGIS) untuk Koleksi Pemuliharaan Artifak di Muzium" telah berjaya mendapat Geran Penyelidikan TVET Applied Research Grant Scheme (T-ARGS) sebanyak RM68,760. Projek ini bertujuan membangunkan satu sistem pengurusan koleksi artifak di muzium kelolaan Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) agar lebih efisien dan berteknologi tinggi. Pencapaian-pencapaian ini merupakan sesuatu yang amat membanggakan PMM. Syabas saya ucapkan.

PENUTUP BICARA

10. Kepada para peserta, difahamkan majoriti akan menjalankan latihan industri pada semester hadapan. Ambil peluang ini sebagai persediaan untuk mengharungi dunia pekerjaan, kelak untuk diaplikasikan ilmu yang dipelajari di PMM semasa di dalam industri. Gunakan sepenuhnya kreativiti yang telah diasah semasa menyiapkan kajian atau projek inovasi nanti. Timbalah ilmu di mana sahaja kita berada. Inovasi bukan sekadar mencipta sesuatu yang baru, tetapi juga mencari cara yang lebih baik untuk melakukan tugas kita.

Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin sekalian,

11. Akhir kalam, di kesempatan ini saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada para pemenang yang bakal diumumkan sebentar nanti. Semoga hasil ciptaan inovasi dan penyelidikan ini dapat dikembangkan dan komersialkan untuk kegunaan masyarakat. Kepada yang belum berjaya, jangan berputus asa dan teruskan usaha anda kerana ini bukan pengakhirannya. Teruslah mengasah bakat dan kreativiti anda di masa hadapan.
12. Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.